


Hasrat Zionis 'mengyahudikan' bumi Palestin

PUTRAJAYA 27 Jan. - Rejim Zionis Israel sememangnya telah lama berhasrat untuk 'mengyahudikan' seluruh bumi Palestin dan cita-cita itu dilihat hampir berjaya dengan perkembangan terkini melibatkan penguasaan terhadap Baitulmuqaddis.

Ahli Biro Al-Quds Kesatuan Ulama Islam Sedunia (IUMS), Rafat al-Masri berkata, sejak berjaya melancarkan operasi ketenteraan secara besar-besaran ke atas Republik Arab Bersatu (Mesir), Jordan dan Syria secara serentak lebih 50 tahun lalu, rejim tersebut terus berusaha untuk menguasai Palestin.

"Usaha rejim Zionis ini berlanjutan termasuk dengan cuba mendapatkan pengiktirafan Amerika Syarikat supaya Baitulmuqaddis dijadikan ibu negara Israel.

"Pada masa sama, pihak berkuasa tempatan (PBT) di Isarel turut memainkan peranan dalam menguasai bumi Palestin dengan menyekat sumber air, elektrik dan menindas serta menghalau penduduk asal untuk membina penempatan baharu penduduk Yahudi," katanya ketika berucap dalam Persidangan Meja Bulat Ulama Islam Sedunia Mengenai Baitulmuqaddis sempena Forum Antarabangsa MyAqsa, di sini



SEBAHAGIAN ulama menyertai Persidangan Meja Bulat Ulama Islam Sedunia Mengenai Baitulmuqaddis sempena Forum Antarabangsa MyAqsa di Putrajaya semalam. - BERNAMA

hari ini.

Menurut Rafat, strategi rejim tersebut tidak terhad kepada tindakan keganasan sahaja, mereka juga menggunakan cara halus dengan menghancurkan pergerakan, akidah dan pemikiran umat Islam sehingga bergaduh sesama sendiri.

Rafat berkata, selepas kesemua usaha tersebut berjaya, hasrat rejim itu untuk menguasai bumi Palestin menjadi lebih mudah.

Sementara itu, Ketua Persatu-

an Ulama Palestin di Gaza, Marwam Abu Ras berkata, pihaknya berterima kasih kepada kerajaan Malaysia yang telah menganjurkan forum tersebut sebagai salah satu usaha menyedarkan masyarakat antarabangsa mengenai penindasan terhadap penduduk Palestin.

Katanya, pada masa sekarang penduduk Palestin hidup dalam kesusahan dan tekanan kesan daripada penindasan yang dilakukan oleh rejim Zionis itu.

"Umat Islam di Palestin terus dihina dan kebongkakan rejim Zionis itu lebih terserlah selepas mereka mendapat sokongan Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah yang mengiktiraf Baitulmuqaddis sebagai ibu negara Israel.

"Sokongan ini menjadikan rejim Zionis terus bertindak kejam dengan menyekat seluruh jalan darat, laut dan udara serta menyerbu rumah dan kampung penduduk Palestin," katanya.

Satukan perjuangan hadapi musuh Islam

PUTRAJAYA 27 Jan. - Ulama sebagai pewaris anbia mempunyai peranan yang besar dan penting dalam perjuangan pembebasan Baitulmuqaddis daripada cengkaman musuh Islam.

Setiausaha Kesatuan Ulama Islam Sedunia, Syeikh Dr. Ali Muhyealdin Al-Qaradaghi berkata, dalam menyampaikan risalah kebenaran kepada umat Islam, ulama mempunyai tanggungjawab bagi menyatukan kerajaan-kerajaan untuk berhadapan dengan musuh-musuh Allah.

"Kita jangan tertunggu-tunggu sehingga kita terkeluar dari apa yang kita lakukan. Kita perlu terus melakukan tindakan dalam membebaskan Masjid Al-Aqsa. Pada persidangan hari ini, sejarah ulama silam yang membebaskan Masjid Al-Aqsa seperti Salahuddin Al-Ayubi akan dibincangkan.

"Ke arah itu, kita perlu bentuk lajnah yang diberkati ummah untuk isu ini sehingga kita memperoleh strategi terbaik untuk membebaskan Masjid Al-Aqsa, menjadikan umat Islam kuat dalam menakutkan musuh Allah dan mematahkan rancangan jahat

mereka.

"Ini tidak jauh dan telah dilakukan oleh Salahuddin Al-Ayubi," katanya ketika menyertai Persidangan Meja Bulat Ulama Islam Sedunia Mengenai Baitulmuqaddis, di sini hari ini.

Kata Ali, perjuangan membebaskan Palestin perlu sentiasa dipertahankan apatah lagi apabila pihak yang berjuang itu dituduh sebagai golongan pengganas.

Golongan ulama, katanya, tidak perlu takut dicerca dan sanggup berkorban apa sahaja dalam mempertahankan warisan keagamaan.

"Mereka harus terus berjuang demi kebenaran walaupun tahu wujudnya risiko. Ini bagi memastikan agama Islam dapat terus dipertahankan dari zaman ke zaman," katanya.

Beliau turut menzahirkan penghargaan kepada kerajaan Malaysia pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak serta Raja-raja Melayu atas penglibatan dalam perjuangan pembebasan Palestin.

Menurutnya, penglibatan cemerlang negara diharap terus memberi semangat kepada pejuang di Baitulmuqaddis.

Keluarkan fatwa hukum ziarah Masjid Al-Aqsa

PUTRAJAYA 27 Jan. - Ulama seluruh dunia digesa mengeluarkan satu fatwa khusus mengenai hukum menziarahi Masjid Al-Aqsa di Baitulmuqaddis bagi mengelakkan berlaku sebarang perbezaan pendapat dalam kalangan umat Islam.

Setiausaha Agung Persatuan Ulama Islam, Mohamed Abdel Karim berkata, isu ziarah ke tempat ketiga paling suci bagi umat Islam itu perlu dibincangkan semula dalam kalangan ulama terutama selepas Amerika Syarikat (AS) mengiktiraf Baitulmuqaddis sebagai ibu negara baharu Israel.

"Bagi umat Islam yang berada di kawasan berhampiran Masjid Al-Aqsa mereka wajib menziarahi dan menjaga tempat suci itu.

"Namun, timbul isu mengenai keharusan orang luar dari Palestin sama ada boleh menziarahi atau tidak tempat tersebut kerana ia kini dikawal sepenuhnya oleh rejim Zionis Israel," katanya ke-

tika berucap dalam sesi Persidangan Meja Bulat Ulama Islam Sedunia Mengenai Baitulmuqaddis, di sini hari ini.

Menurut Abdel Karim, sejak isu itu timbul terdapat pelbagai pandangan daripada golongan ulama sama ada membenarkan atau melarang umat Islam menziarahi Masjid Al-Aqsa.

Berikutan itu, katanya, satu ketetapan atau fatwa yang jelas mengenai hukum menziarahi Baitulmuqaddis perlu diputuskan segera bagi mengelakkan perbalahan dalam kalangan umat Islam.

Dalam pada itu, Ketua Pusat Pengajian Zaitunah, Mohsein Mohd. Sulaiman Saleh berkata, gerakan yang diatur oleh rejim Zionis bukan sekadar dengan melakukan keganasan secara terang-terangan terhadap umat Islam di Palestin, tetapi juga dengan melemparkan pelbagai tuduhan palsu terhadap pejuang Palestin.


Malah, katanya, lebih mem-

bimbangkan apabila rejim tersebut berjaya mengalihkan perhatian negara-negara Arab daripada memperjuangkan isu Palestin dan membiarkan penduduk Palestin bersendirian berjuang menuntut hak mereka.

"Rejim Zionis telah berjaya mewujudkan hubungan langsung dan tidak langsung dengan beberapa negara Arab sehingga mereka memandang ringan isu Palestin.

"Pada masa sama, rejim Zionis juga telah berjaya meruntuhkan sistem politik, kebudayaan, masyarakat dan ekonomi negara Islam sehingga mereka hilang arah dan tidak mengenali lagi siapa musuh sebenar," katanya.

Sehubungan itu, beliau menggesa umat Islam seluruh dunia supaya bersatu dan bersamasama dengan rakyat Palestin dalam mempertahankan Baitulmuqaddis daripada dirampas oleh Israel.



FELLOW MyAqsa, Wan Mohd. Sharaffi Wan Mustaffa (berdiri, kanan) memberi tazkirah khas sempena Persidangan Meja Bulat Ulama Islam Sedunia Mengenai Baitulmuqaddis di Putrajaya, semalam.